

## “Tangan” dan “Wajah” Allah: Antara Salaf dengan Khalaf

Manhaj salaf berpegang kepada zahir ayat tanpa mentafsirkannya atau mentakwilkannya. Manhaj khalaf pula mentakwilkan dengan makna yang sesuai.

Jelas daripada keterangan al-Quran bahawa Allah adalah zat yang Esa. Allah tidak mempunyai anak dan tidak mempunyai ibu bapa. Malah tiada sesuatu pun di alam ini yang menyerupai Allah. Inilah asas akidah yang paling asas.

Namun, kadang-kadang timbul juga persoalan tentang beberapa sifat zat Allah yang sedikit mengelirukan bagi sesetengah orang. Adakah kekeliruan ini ada asasnya?

Berikut beberapa contoh sifat zat Allah yang menimbulkan polemik dalam kalangan umat Islam. Antaranya ialah:

### 1. Wajah Allah dalam firman Allah s.w.t. mafhumnya:

“Dan kekallah wajah Tuhan kamu yang memiliki kebesaran dan kemuliaan.” (*Surah al-Rahman* 55: 27)

Apabila disebut wajah, sudah tentu terbayang wajah seperti makhluk. Kalau wajah manusia ada hidung, telinga, pipi, dahi, dagu, bulu mata, kening dan sebagainya. Haiwan pun mempunyai wajah yang sama seperti manusia. Persoalannya macam manakah wajah Allah? Berapa lubang hidung Tuhan? Adakah pipi Tuhan mempunyai lesung pipit apabila Tuhan senyum?

### 2. Tangan Allah dalam firman Allah mafhumnya:

“Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka.” (*Surah al-Fath* 48: 10)

Dalam ayat ini disebut satu tangan sahaja. Ini kerana lafaz yang digunakan ialah lafaz tunggal atau *singular* dalam lafaz ( يَدٌ ). Namun dalam ayat al-Quran yang lain dinyatakan dua tangan. Firman Allah mafhumnya:

“Orang Yahudi berkata bahawa tangan Allah terbelenggu, bahkan sebenarnya tangan mereka yang terbelenggu dan mereka dilaknat kerana apa yang mereka ucapkan, bahkan sebaliknya dua tangan-Nya terbuka. Dia membelanjakan sebagaimana yang Ia kehendaki.” (*Surah al-Ma’idah* 5: 64).

Jelas bahawa dalam ayat ini disebut dua tangan Tuhan dalam lafaz ( يَدَا ). Namun dalam ayat yang lain pula, disebut bahawa Tuhan mempunyai banyak tangan. Firman Allah mafhumnya:

“Dan langit tersebut Kami bina dengan tangan-tangan Kami dan Kami memperluaskannya.” (*Surah al-Dzariyat* 51: 47)

Lafaz ( أَيِّدٍ ) adalah lafaz jamak atau *plural*. Persoalannya, berapakah tangan Allah sebenarnya. Adakah satu, dua, tiga, sepuluh atau berapakah jumlahnya? Bagaimana pula bentuk tangan Allah? Berapa jarinya, adakah ada siku atau tidak, bagaimana pula ketiak Tuhan dan sebagainya?

### Bagaimana Memahaminya?

Dalam memahami ayat al-Quran yang menceritakan sifat zat Allah, sebenarnya terdapat sedikit percanggahan pandangan para ulama.

Terdapat dua manhaj atau aliran dalam memahami ayat sebegini. Manhaj tersebut ialah manhaj salaf dan manhaj *khalaf*.

**Manhaj salaf** berpegang kepada zahir ayat tanpa mentafsirkannya atau

mentakwilkannya. Zahirnya ialah sifat yang layak bagi Allah tanpa *tasybih* atau tamsil. *Full stop*.

Apakah itu **tasybih**? *Tasybih* ialah diserupakan Allah dengan sesuatu. Tamsil pula ialah diumpamakan Allah dengan sesuatu.

Diriwayatkan bahawa Imam Malik pernah ditanya tentang ayat bahawa Allah *beristiwa’* di atas Arasy. Beliau menjawab:

“*Istiwa’* dimaklumi, dan caranya tidak diketahui, dan beriman dengannya adalah wajib, dan bertanya tentangnya adalah bidaah.”

Ada juga riwayat yang lain menyatakan bahawa cara atau kaifiat bagaimana Allah *istiwa’* di atas Arasy tidak terjangkau oleh akal fikiran ( *والكيفية غير معقول* ). Jika riwayat-riwayat ini sahih, maka inilah yang sewajarnya menjadi manhaj pegangan dalam memahami sifat zat bagi Allah.

Jika disebut tentang tangan Allah, maka tangan itu ialah tangan yang layak bagi Allah. Jika disebut wajah Allah, maka wajah itu ialah wajah yang layak bagi Allah. Tidak perlu difikirkan lagi tentang hakikat wajah Allah. Tidak wajar langsung untuk kita memikirkan hidung, dahi, pipi dan sebagainya yang wujud seperti pada wajah manusia. Juga tidak perlu disamakan Allah dengan mana-mana makhluk.



**Mohd. Nidzam Abd. Kadir**

Lulusan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kini berkhidmat sebagai pensyarah juga di UIAM. Berpengalaman menimba ilmu di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, kemudian menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar dan kursus peringkat Sarjana di American Open University, Kaherah. Aktif dalam penulisan. Lawati blog beliau, <http://nidzamkadir.blogspot.com>



Sesungguhnya Allah berfirman ma'fhumnya: "Tidak ada seumpama-Nya oleh sesuatu, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." (*Surah al-Syura* 42: 11)

Satu lagi manhaj ialah manhaj khalaf.

**Manhaj khalaf** mentakwilkan lafaz tentang zat Allah dengan makna yang sesuai. Contohnya wajah Tuhan ditafsirkan dengan zat Tuhan. Tangan pula ditafsirkan dengan makna kudrat dan kekuatan. Begitulah seterusnya.

### Senario Pertelagahan Antara Pro Manhaj Yang Berbeza

Sedihnya umat Islam hari ini masih lagi bertelagah tentang masalah ini. Masih lagi terdapat suara-suara yang memperjuang sesuatu manhaj dengan menuduh manhaj lain sebagai sesat, kufur, bidaah, fasik dan terkeluar daripada Ahli Sunah Waljamaah.

Sebahagian para ulama besar zaman silam juga diheret sama dalam pertelagahan ilmiah ini. Ada ulama dituduh sebagai tidak mengikut ahli sunah dalam bidang akidah. Ada ulama dituduh cuba menyerupakan Allah dengan makhluk. Ada ulama dihilangkan kewibawaan ilmu dan amanahnya kerana pertikaian masalah ini.

Sayangnya sebahagian ulama umat Islam seperti Imam al-Nawawi, Imam Ibn Hajar al-Asqalani, Imam Ibn Taimiyyah, Imam Ibn al-Qayyim dan sebagainya juga dipalitkan dengan masalah ini. Ada pandangan segelintir ulama yang menyatakan bahawa Imam Ibn Hajar al-Asqalani dan juga Imam al-Nawawi dalam termasuk dalam golongan ahli sunah dalam masalah akidah kerana dikatakan tidak

mengikut manhaj salaf.

Adakah suasana dan senario ini sesuatu yang baik dan bermanfaat?

### Bagaimana Manhaj yang Sesuai

Manhaj salaf bukanlah manhaj yang jumud dalam persoalan ini tetapi ia berpegang kepada zahir nas sahaja. Lagipun perbincangan sebegini tidak berlaku pada zaman awal Islam. Perbincangan sebegini tidak berlaku pada zaman kenabian dan zaman para sahabat. Inilah kefahaman yang terbaik dan generasi terbaik.

Manhaj khalaf yang mentafsirkan ayat-ayat ini dengan makna tertentu bukanlah manhaj yang cuba mengosongkan Allah daripada sifat-sifat tertentu. Manhaj khalaf hanya mentakwilkannya bagi memudahkan kefahaman. Manhaj khalaf bukanlah termasuk dalam golongan *al-mu'attilah* (المعطلة) iaitu golongan yang menafikan sifat Allah. Begitu juga manhaj salaf bukanlah termasuk dalam golongan *al-mujassimah* (المجسمة) yang menjisimkan Allah serupa dengan makhluk.

Kadang-kadang sesetengah manusia terlalu berfikir secara mendalam. Jika disebut tangan, maka akan difikirkan pelbagai perkara tentang tangan. Maka kalau disebut tangan Tuhan, dibayangkannya mungkin tangan Tuhan begini dan begitu. Walaupun manhaj salaf jelas tidak membincangkannya, namun sikap manusia hari ini bukan semuanya begitu. Maka ketika ini, ada baiknya manhaj khalaf yang mentakwilkan dengan makna tertentu.

Hakikatnya tauhid yang murni dan selamat ialah tauhid yang mengajak kepada beriman

kepada Allah. Bagaimanakah keimanan kepada Allah pada zaman Nabi s.a.w.? Adakah persoalan sebegini dibangkitkan? Rasanya tiada suatu riwayat pun yang menunjukkan kepada perkara sebegini. Akidahnya mudah dan sejahtera.

Memahami dengan baik dua manhaj ini merupakan antara kaedah yang baik untuk memahami sifat zat bagi Allah. Ada masanya manhaj salaf lebih sesuai. Namun ada masanya manhaj khalaf lebih sesuai. Peredaran zaman dan masa menuntut perubahan manhaj tanpa menjejaskan asas akidah tauhid.

Dengan dua manhaj ini, insya-Allah kekeliruan akan hilang. Penerimaan terhadap dua manhaj ini akan lebih memberikan kematangan ilmu. Toleransi terhadap dua manhaj ini sudah pun menjadi tradisi ulama sebelum kita. Antaranya apa yang tercatat dalam matan *akidah Jauharah Tauhid* berbunyi:

وَكُلُّ نَصِيٍّ أَوْ هَمٍّ الشَّيْبِيهَا \* أَوْلُهُ أَوْ فَوْضٌ وَرَمٌ تَنْزِيهَا

"Dan setiap nas yang memberi waham akan tasybih. Takwilkan ia atau serahkan (kepada zahir) dan carilah akan *tanzih*."

Fokus akidah adalah kepada ayat yang *muhkamat*, mudah difahami dan jelas. Adapun yang *mutasyabihat* dan pertikaian para ulama biasanya bukanlah fokus dalam persoalan akidah. ■

Musyafiqi Pakeri dan

## Adab Berpakaian dan Berhias

- Sunat memakai pakaian baru, berkeadaan baik dan bersih.
- Pakaian hendaklah menutup aurat.
- Lelaki tidak boleh berpakaian menyerupai wanita dan sebaliknya.
- Pakaian tidak boleh mempunyai corak makhluk yang bernyawa dan mempunyai simbol salib.
- Lelaki tidak boleh memakai emas dan fabrik sutera kecuali dalam keadaan terpaksa.

- Pakaian lelaki tidak boleh terlalu labuh kerana Rasulullah s.a.w. tidak menyukainya.
- Disunatkan memulakan bahagian sebelah kanan dalam berpakaian.
- Disunatkan membaca doa berikut seandainya mengenakan baju baru: "Segala puji bagi Allah yang telah menutupi aku dengan pakaian ini dan menganugerahkan kepadaku tanpa daya dan kekuatan dariku." (Riwayat Abu Daud)
- Disunatkan memakai pakaian yang berwarna putih kerana ia adalah sebaik-baik pakaian.
- Disunatkan memakai wangian bagi lelaki dan wanita pula hanya dibenarkan memakai wangian di hadapan mahramnya sahaja.
- Haram bagi wanita melukis tatu, menipiskan kening, memotong atau mengasah gigi dan menyambung rambut.



Sumber: *Adab al-Muslim fi al-Yaum wa al-Lailah*.

## Niat Baik Niat Buruk

**Ibn Abbas r.a.** berkata, "Rasulullah s.a.w. meriwayatkan bahawa Allah s.w.t. berfirman, maksudnya:

Sesungguhnya Allah mencatatkan seluruh kebaikan dan keburukan. Kemudian Allah menjelaskan, "Barangsiapa yang memiliki keinginan untuk melakukan kebaikan, tapi ia tidak sempat melakukannya, maka Allah mencatatkan satu kebaikan yang utuh untuknya. Jika ia benar-benar melakukannya maka Allah mencatatkan untuknya **sepuluh kebaikan** (pahala) hingga **700 kali ganda**, bahkan lebih baik. Jika ia memiliki keinginan melakukan perbuatan yang keji, tapi ia tidak sempat melakukannya, Allah mencatat satu kebaikan yang utuh untuknya. Jika ia memiliki keinginan untuk melakukan perbuatan keji dan ia benar-benar melakukannya, Allah mencatat untuknya **satu** kekejian (dosa)." (Riwayat al-Bukhari)